







PEMBANGUNAN MINDA KENDIRI PERMAI

PENTASBINTANGSURAWA



PENTAS BINTANG SURAWA

KEJOHANAN BAHAS ALA PARLIMEN


SCAN ME

مجلس النيابة للطلبة الماليزيين بالأردن

MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA MALAYSIA JORDAN

.: Membangun Mahasiswa M.U.S.L.I.M Kelas Pertama :.

 Mpmm Jordan  Mpmm Jordan  mpmmjordan  mpmmjordan  mpmmjordan2000@gmail.com

ISI KANDUNGAN

BIL.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Pendahuluan	1
2.	Objektif	2
3.	Tema	2
4.	Tentatif	3
5.	Usul	5
6.	Kaedah Pelaksanaan	6
7.	Peraturan Pertandingan	13
8.	Kaedah Pemarkahan	16
9.	Hadiah	17

PENDAHULUAN

1. Debat adalah salah satu cabang seni penyampaian mesej secara lisan yang mengandungi idea, menaakul konsep, menghuraikan dan merumuskannya secara berkesan. Penyampaian debat yang berkesan adalah secara bersahaja dalam bentuk nasihat, peringatan, penegasan, sindiran, dan selingan kecindan yang bertujuan untuk mempengaruhi khalayak.

2. Penyampaian debat juga bergantung kepada kesesuaian nada dan gaya, bukannya menggunakan emosi seperti nada suara yang tinggi, menyanyi dan bersyair. Sentuhan seni berdebat adalah unik tidak seperti seni pidato yang bertujuan menyampaikan mesej kepada para penonton dengan lenggokan suara tertentu. Justeru, pertandingan debat ini dijalankan untuk memastikan kemahiran berhujah secara spontan dan bersahaja tidak terus lenyap ditelan zaman.

3. Pentas Bintang Surawa : Kejohanan Bahas Ala Parlimen adalah merupakan salah satu program teras Pembangunan Minda & Kendiri (PMK) Persatuan Mahasiswa Malaysia Irbid (PERMAI) yang asalnya hanya dijalankan pada peringkat persatuan zon sahaja dan kini, buat julung-julung kalinya pertandingan ini akan dijalankan pada peringkat Kebangsaan dengan kerjasama Badan Koordinator Akademik & Intelektual (BKAI) Majlis Persatuan Mahasiswa Malaysia Jordan (MPMMJ).

4. Program ini diadakan bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan kefahaman peserta berkaitan isu-isu semasa di samping mengukuhkan dan mengekalkan semangat jati diri, kerakyatan serta perpaduan dalam kalangan masyarakat.

OBJEKTIF

1. Memperkasakan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan mahasiswa Malaysia Jordan.

2. Melahirkan mahasiswa yang profesional dalam bertindak dan berfikiran kritis serta mampu berhujah dengan baik dan petah.

3. Memperkembang bakat dan potensi mahasiswa dalam berdebat dan menyampaikan hujah.

4. Menghidupkan budaya debat dan perbincangan yang matang dan membawa natijah yang baik dalam membahaskan isu semasa, bahan akademik dan ilmiah.

5. Memantapkan penguasaan mahasiswa terhadap keadaan sekeliling secara menyeluruh, merangkumi politik, ekonomi, sosial, sains, kebudayaan dan kesusasteraan Melayu.

6. Membentuk mahasiswa yang menitikberatkan pembudayaan ilmu berlandaskan dasar-dasar PMK iaitu minda kritis, mahasiswa intelek, kendiri holistik dan fikrah islamiah.

TEMA

Tema yang dipilih untuk Pentas Bintang Surawa : Kejohanan Bahas Ala Parlimen 2023 ialah **"SEJARAH PERADABAN KESULTANAN MELAYU"**. Tema ini diangkat bagi menyedarkan lagi masyarakat tentang sejarah kita yang kian hari kian luput. Justeru bagi menambahkan minat serta pengetahuan tentang peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan Malaysia dan global amnya, dan sejarah khususnya.

TENTATIF

TENTATIF PROGRAM
PENTAS BINTANG SURAWA: BAHAS ALA PARLIMEN

BENGKEL BAHAS ALA PARLIMEN MALAYSIA			
TARIKH	**MASA**	**AKTIVITI**	**TEMPAT**
26 Mei 2023 (Jumaat)	9.00 pagi	Kehadiran peserta	PUSKOM
	9.30 pagi	Ucapan alu-aluan Bacaan doa	
	9.35 pagi	Pengenalan panel Bengkel bahas	
	11.00 pagi	Resoma	
	1.30 pagi	Kehadiran peserta	
	2.00 petang	Sesi LDK *Mock debate*	
	3.45 petang	Penyerahan penghargaan	
	4.00 petang	Bersurai	

BAHAS (PUSINGAN SARINGAN)			
TARIKH	**MASA**	**AKTIVITI**	**TEMPAT**
27 Mei 2023 (Sabtu)	9.00 pagi	Kehadiran peserta	Dewan Prince Hussein, Universiti Yarmouk
	10.00 pagi	Pusingan 1	
	11.30 pagi	Pusingan 2	
	12.30 tengah hari	Resoma	
	1.30 petang	Pusingan 3	
	3.00 petang	Pusingan 4	
	4.30 petang	Resoma	
	5.30 petang	Pusingan 5	
	6.30 petang	Pusingan 6	
	7.30 petang	Bersurai	

BAHAS (PUSINGAN SUKU AKHIR)			
TARIKH	**MASA**	**AKTIVITI**	**TEMPAT**
2 Jun 2023 (Jumaat)	12.30 tengah hari	Ketibaan peserta	Dewan Prince Hussein, Universiti Yarmouk
	1.00 petang	Pusingan Suku Akhir 1	
	2.30 petang	Pusingan Suku Akhir 2	
	4.00 petang	Pengumuman keputusan kelayakan	
	4.30 petang	Bersurai	

TENTATIF

TENTATIF PROGRAM
PENTAS BINTANG SURAWA: BAHAS ALA PARLIMEN

BAHAS (PUSINGAN SEPARUH AKHIR, PUSINGAN AKHIR) & MAJLIS PENUTUP			
TARIKH	MASA	AKTIVITI	TEMPAT
3 Jun 2023 (Sabtu)	8.30 pagi	Kehadiran peserta	Dewan Prince Hussein, Universiti Yarmouk
	9.00 pagi	Pusingan Separuh Akhir 1	
	10.30 pagi	Pusingan Separuh Akhir 2	
	11.00 pagi	Resoma	
	12.30 tengah hari	Pusingan Penentuan Tempat Ketiga	
	1.30 petang	Resoma	
	5.00 petang	Ketibaan tetamu kehormat	
	6.00 petang	Persediaan majlis penutup	
	7.00 malam	Ucapan alu-aluan Bacaan doa Nyanyian lagu	
	7.30 malam	Ucapan pengarah program	
	7.40 malam	Ucapan Presiden MPMMJ	
	7.50 malam	Ucapan Perasmian EMJ	
	8.00 malam	Sesi penyampaian hadiah	
	8.30 malam	Tayangan multimedia	
	8.45 malam	Sesi fotografi	
	9.00 malam	Bersurai	

USUL

BENGKEL BAHAS ALA PARLIMEN MALAYSIA
PERINGKAT SARINGAN
PUSINGAN 1 (EKONOMI)
1. Dasar Fiskal Mengembang Hanyalah Ubat Penenang Bukan Antidot Kepada Ekonomi Semasa
2. Polemik KWSP: Limau Masak Sebelah, Perahu Karam Sekerat
PUSINGAN 2 (PENDIDIKAN)
1. Mahasiswa Perubatan: Dilihat Galas Berlaba, Dihitung Pokok Termakan
2. Pendidikan LGBT Di Sekolah Arus Perdana: Malaysia Kini Bersedia
PUSINGAN 3 (HUMOR)
1. Ayam Pak Kaduk Perlu Diberi Hak Memilih Tuan
2. Telur Ikan Tembakul Si Tanjung Perlu Diganti Semula
PERINGKAT SUKU AKHIR (POLITIK)
1. Malaysia Madani: Retorik Politik Semata-mata
2. Hak Mengundi 18 Tahun: Sudah Terhantuk Masih Belum Terngadah
3. Politik Malaysia: Sekepal Menjadi Gunung, Setitik Menjadi Laut
4. Sudah Tiba Masanya Pemerintahan Negara Diserahkan Semula Kepada Sultan
PERINGKAT SEPARUH AKHIR (ANTARABANGSA)
PUSINGAN 1
Demi Afghanistan, Neo Taliban Wajar Diberi Peluang
PUSINGAN 2
Penggantungan Keahlian Syria Dalam OIC Satu Kesilapan
PUSINGAN 3 - PENENTUAN TEMPAT KETIGA
Pembatalan Hak Tuan Rumah Piala Dunia U-20 Indonesia: Israel Dan FIFA Perlu Minta Maaf
PERINGKAT AKHIR (SEJARAH)
1. Andai Si Kitul Hidup Semula, Kita Perlu Berikannya Peluang Kedua
2. Peristiwa 13 Mei 1969: Hitam Tidak Semestinya Kotor, Putih Tidak Semestinya Bersih

KAEDAH PELAKSANAAN

1. Program ini akan dilaksanakan pada 26 & 27 Mei dan 2 & 3 Jun 2023.

2. Setiap kumpulan terdiri daripada 3 orang minimum @ 4 orang maksimum termasuk seorang pendebat simpanan dan hanya 12 kumpulan terawal yang layak bertanding.

3. Yuran pendaftaran adalah sebanyak 3JD per individu.

4. Setiap mantiqah perlu menghantar kumpulan mengikut ketetapan berikut :
   i. Amman - 4 kumpulan
   ii. Irbid - 4 kumpulan
   iii. Mafraq - 2 kumpulan
   iv. Mu’tah - 2 kumpulan

5. Pada 26 Mei, bengkel debat akan dilaksanakan. Manakala 3 hari berbaki adalah tempoh pertandingan dijalankan.

6. Pertandingan akan terbahagi kepada 4 peringkat :
   i. Peringkat saringan - 27 Mei
   ii. Peringkat suku akhir - 2 Jun
   iii. Peringkat separuh akhir - 3 Jun
   iv. Peringkat akhir - 3 Jun

7. Peringkat saringan akan terbahagi kepada 6 pusingan mengikut 3 tema yang telah ditetapkan. Setiap pasukan perlu berlawan pada 3 pusingan sahaja dan akan dinilai mengikut sistem *power match*. Sistem *power match* dinilai mengikut; i. menang/kalah
   ii. juri
   iii. margin
   iv. markah

   8 pasukan yang mempunyai kedudukan tertinggi akan mara ke peringkat suku akhir.

KAEDAH PELAKSANAAN

8. Adapun untuk 3 peringkat yang berbaki, pemenang akan ditentukan menggunakan sistem kalah-mati.

9. Peringkat suku akhir akan dilaksanakan sebanyak 4 pusingan dengan satu tema yang tersendiri dan 4 pasukan pemenang akan mara ke peringkat separuh akhir.

10. Peringkat separuh akhir pula akan dilaksanakan sebanyak 3 pusingan dengan satu tema yang tersendiri ; 2 pusingan penentu pasukan yang layak ke peringkat akhir dan satu pusingan penentu tempat ke-3.

11. Dan peringkat akhir juga akan dipertandingkan mengikut satu tema yang tersendiri.

12. Usul dan portfolio (kerajaan/pembangkang) peringkat saringan akan diberitahu terlebih dahulu.
Adapun untuk peringkat suku akhir, portfolio akan diberitahu awal, manakala usul akan diundi 30 minit sebelum pertandingan.


13. Untuk peringkat separuh akhir pula, usul akan dimaklumkan awal adapun portfolio untuk pusingan 1 dan 2 akan diberitahu 30 minit sebelum perlawanan. Manakala untuk pusingan 3, usul dan portfolio akan dimaklumkan awal.

14. Dan untuk peringkat akhir, portfolio dan usul yang akan dipertandingkan kedua-duanya akan diundi 30 minit sebelum perlawanan berlangsung.

KAEDAH PELAKSANAAN


PERINGKAT SARINGAN

PUSINGAN 1 (TEMA; EKONOMI)




USUL- DASAR FISKAL MENGEMBANG HANYALAH
UBAT PENENANG BUKAN ANTIDOT KEPADA EKONOMI SEMASA

PUSINGAN 2 (TEMA; EKONOMI)




USUL- POLEMIK KWSP: LIMAU MASAK SEBELAH,
PERAHU KARAM SEKERAT

PUSINGAN 3 (TEMA; PENDIDIKAN)



USUL- MAHASISWA PERUBATAN: DILIHAT GALAS BERLABA,
DIHITUNG POKOK TERMAKAN

PUSINGAN 4 (TEMA; PENDIDIKAN)




USUL- PENDIDIKAN LGBT DI SEKOLAH ARUS PERDANA :
MALAYSIA KINI BERSEDIA

KAEDAH PELAKSANAAN


PERINGKAT SARINGAN

PUSINGAN 5 (TEMA; HUMOR)



USUL- AYAM PAK KADUK PERLU
DIBERI HAK MEMILIH TUAN

PUSINGAN 6 (TEMA; HUMOR)



USUL- TELUR IKAN TEMBAKUL SI TANJUNG
PERLU DIGANTI SEMULA

* NOMBOR PASUKAN AKAN DIUNDI PADA 7 MEI 2023

PERINGKAT SUKU AKHIR (TEMA: POLITIK)


PUSINGAN 1 A B



- USUL -

1. MALAYSIA MADANI: RETORIK POLITIK SEMATA-MATA
2. HAK MENGUNDI 18 TAHUN: SUDAH TERHANTUK MASIH BELUM TERNGADAH

PUSINGAN 2 C D



- USUL -

1. POLITIK MALAYSIA: SEKEPAL MENJADI GUNUNG, SETITIK MENJADI LAUT
2. SUDAH TIBA MASANYA PEMERINTAHAN NEGARA DISERAHKAN SEMULA KEPADA SULTAN

KAEDAH PELAKSANAAN

* UNTUK PERINGKAT SUKU AKHIR, USUL PERLAWANAN AKAN DIUNDI 30 MINIT SEBELUM PERTANDINGAN BERLANGSUNG.

* NOMBOR PASUKAN AKAN DIUNDI SEJURUS SELEPAS KEPUTUSAN PASUKAN YANG LAYAK KE PERINGKAT SUKU AKHIR DIUMUMKAN.

PERINGKAT SEPARUH AKHIR (TEMA: ANTARABANGSA)

PUSINGAN 1

1



- USUL -
DEMI AFGHANISTAN, NEO TALIBAN WAJAR DIBERI PELUANG

PUSINGAN 2

2



- USUL -
PENGGANTUNGAN KEAHLIAN SYRIA DALAM OIC SATU KESILAPAN

PUSINGAN 3 - PUSINGAN PENENTUAN TEMPAT KETIGA




- USUL -
PEMBATALAN HAK TUAN RUMAH INDONESIA DALAM PIALA DUNIA U-20: ISRAEL DAN FIFA PERLU MINTA MAAF

KAEDAH PELAKSANAAN

* UNTUK PUSINGAN 1 DAN 2, PORTFOLIO (KERAJAAN/ PEMBANGKANG) AKAN DIUNDI 30 MINIT SEBELUM PERTANDINGAN BERLANGSUNG.

* PASUKAN YANG TEWAS PADA PUSINGAN 1 AKAN MEMEGANG PORTFOLIO KERAJAAN PADA PUSINGAN 3 MANAKALA PASUKAN YANG TEWAS PADA PUSINGAN 2 AKAN MEMEGANG PORTFOLIO PEMBANGKANG

PERINGKAT AKHIR (TEMA: SEJARAH)



- USUL -

1. ANDAI SI KITUL HIDUP SEMULA, KITA PERLU BERIKANNYA PELUANG KEDUA
2. PERISTIWA 13 MEI 1969: HITAM TIDAK SEMESTINYA KOTOR, PUTIH TIDAK SEMESTINYA BERSIH

* UNTUK PERINGKAT AKHIR, USUL PERLAWANAN DAN PORTFOLIO AKAN DIUNDI 30 MINIT SEBELUM PERTANDINGAN BERLANGSUNG.

PERINGKAT SEPARUH AKHIR (3)

(K) | (P)

- USUL -
PEMBATALAN HAK TUAN RUMAH INDONESIA DALAM PIALA DUNIA U-20 : ISRAEL DAN FIFA PERLU MINTA MAAF

PERINGKAT AKHIR

- USUL -
1. ANDAI SI KITUL HIDUP SEMULA, KITA PERLU BERIKANNYA PELUANG KEDUA
2. PERISTIWA 13 MEI 1969: HITAM TIDAK SEMESTINYA KOTOR, PUTIH TIDAK SEMESTINYA BERSIH

PERINGKAT SEPARUH AKHIR (1 & 2)

- USUL -
DEMI AFGHANISTAN, NEO TALIBAN WAJAR DIBERI PELUANG

- USUL -
PENGGANTUNGAN KEAHLIAN SYRIA DALAM OIC SATU KESILAPAN

PERINGKAT SUKU AKHIR

1	2	3	4	5	6	7	8
(K)	(P)	(K)	(P)	(K)	(P)	(K)	(P)

- USUL -
1. MALAYSIA MADANI: RETORIK POLITIK SEMATA-MATA
2. HAK MENGUNDI 18 TAHUN: SUDAH TERHANTUK MASIH BELUM TERNGADAH

- USUL -
1. POLITIK MALAYSIA: SEKEPAL MENJADI GUNUNG, SETITIK MENJADI LAUT
2. SUDAH TIBA MASANYA PEMERINTAHAN NEGARA DISERAHKAN SEMULA KEPADA SULTAN

PERATURAN PERTANDINGAN

1. Usul
1.1 Usul haruslah jelas.
1.2 Ahli-ahli harus memperdebatkan usul dalam semangat usul tersebut dan pertandingan ini.

2. Perdebatan dijalankan dalam bahasa melayu mengikut gaya perdebatan ala parlimen Malaysia.

3. Mana-mana pasukan yang gagal menghadiri perdebatan selepas lima belas minit (15 minit) dari masa permulaan perdebatan akan dikira kalah secara automatik.

4. Penggunaan bahan bantuan luar berbentuk elektronik seperti gajet semasa perdebatan berlangsung dilarang sama sekali. Para pendebat hanya boleh menggunakannya ketika sesi persediaan/kuarantin sahaja. Sebaiknya seusai sahaja sesi persediaan/kuarantin, gajet atau sebarang peralatan elektronik disimpan di dalam beg dan dijaga oleh pendebat simpanan atau orang lain.

5. Kritikan terhadap isu-isu sensitif yang berunsur provokasi, politik, atau menyentuh sensitiviti sesuatu kaum, agama, bangsa dan fahaman mahupun keperibadian seseorang adalah dilarang sama sekali. Panel juri berhak menolak markah jika didapati perkara ini berlaku.

6. Penggunaan bahasa slanga (*slang*) atau ayat yang mempunyai makna tersembunyi (*double meaning*) yang berunsur provokasi, politik, atau menyentuh sensitiviti sesuatu kaum, agama, bangsa dan fahaman mahupun keperibadian seseorang adalah dilarang sama sekali. Panel juri berhak menolak markah jika didapati perkara ini berlaku.

PERATURAN PERTANDINGAN

7. Tiada sebarang ‘fakta baharu’ dibenarkan dalam ucapan substantif pendebat ketiga dan ucapan gulungan mana-mana pasukan. Contoh baharu tidak dikira sebagai fakta baharu. Hujahan atau fakta dikira ‘baharu’ kecuali:
   a) ia telah digunakan dalam mana-mana hujahan terdahulu; atau/dan
   b) ia merupakan bidasan terhadap hujahan pasukan lawan.

8. Masa dikira bermula dari perkataan pertama diucapkan oleh peserta.

9. Had waktu dan susunan ucapan bagi setiap peserta adalah seperti berikut:
   Ucapan Substantif:
   a) Perdana Menteri 7 minit
   b) Ketua Pembangkang 7 minit
   c) Timbalan Perdana Menteri 7 minit
   d) Timbalan Ketua Pembangkang 7 minit
   e) Menteri ketiga 7 minit
   f) Pembangkang ketiga 7 minit

   Ucapan Penggulungan:
   a) Penggulungan pembangkang 4 minit
   b) Penggulungan kerajaan 4 minit

10. Mana-mana pendebat yang melebihi had masa daripada 30 saat, isi percakapan tidak akan diambil kira.

11. Bagi setiap ucapan substantif, loceng akan dibunyikan sekali selepas seminit masa berlalu bagi menandakan pasukan lawan sudah boleh melakukan celahan/meminta penjelasan. Loceng akan dibunyikan sekali pada permulaan minit terakhir bagi menandakan masa untuk membuat celahan sudah tamat. Loceng akan dibunyikan dua kali apabila masa tamat.

PERATURAN PERTANDINGAN

12. Bagi ucapan penggulungan, loceng akan dibunyikan sekali pada minit ketiga dan dua kali apabila masa tamat.

13. Tempoh setiap celahan tidak boleh melebihi 15 saat.

13.1 Jika celahan diterima, Yang Dipertua Dewan boleh mengarahkan pendebat yang terbabit agar mematuhi peraturan yang dibangkitkan dan masa yang digunakan untuk membuat bantahan akan dikira dari masa pendebat yang sedang berucap.

14. Keputusan hakim adalah muktamad.

15. Jika tiada keputusan secara sebulat suara dicapai, maka keputusan majoriti akan diterima pakai. Pindaan terhadap sebarang keputusan tidak akan dibenarkan selepas penyerahan undi.

16. Semua peserta hendaklah berkelakuan tertib dan penuh sopan semasa pertandingan.

17. Pakaian peserta siswa dan siswi adalah bebas.

KAEDAH PEMARKAHAN

Ucapan Substantif (100 markah)

UMUM (35 markah) :
Bahasa (10 markah)
Gaya Penyampaian (15 markah)
Adab (10 markah)

PERDANA MENTERI (65 markah) :
1. Pendefinisian (20 markah)
2. Pembentangan Kes (15 markah)
3. Penyampaian Hujah 1 Kerajaan (30 markah)

KETUA PEMBANGKANG (65 markah) :
1. Pindaan Definisi (15 markah)
2. Bidasan Hujah 1 Kerajaan (25 markah)
3. Penyampaian Hujah 1 Pembangkang (25 markah)

TIMBALAN PERDANA MENTERI (65 markah) :
1. Pindaan Definisi (10 markah)
2. Bidasan Hujah 1 Pembangkang (15 markah)
3. Penyampaian Hujah 2 & 3 Kerajaan (40 markah)

TIMBALAN KETUA PEMBANGKANG (65 markah) :
1. Bidasan Hujah 1, 2 & 3 Kerajaan (35 markah)
2. Penyampaian Hujah 2 & 3 Pembangkang (30 markah)

MENTERI KETIGA (65 markah) :
1. Bidasan Pembawakan Kes Pembangkang (10 markah)
2. Bidasan Hujah 3, 2 & 1 Pembangkang (35 markah)
3. Penegakan Hujah 1, 2 & 3 Kerajaan (20 markah)

PEMBANGKANG KETIGA (65 markah) :
1. Bidasan Pembawakan Kes Kerajaan (5 markah)
2. Bidasan Menteri Ke-3 (10 markah)
3. Bidasan Hujah 3, 2 & 1 Kerajaan (35 markah)
4. Penegakan Hujah 1, 2 dan 3 Pembangkang (15 markah)

KAEDAH PEMARKAHAN

Ucapan Penggulungan (50 markah)

UMUM (15 markah) :
Bahasa (5 markah)
Gaya penyampaian (5 markah)
Adab (5 markah)

KETUA PEMBANGKANG /
TIMBALAN KETUA PEMBANGKANG (35 markah) :
1. Penggulungan Kes Kerajaan (20 markah)
2. Penggulungan Kes Pembangkang (15 markah)

PERDANA MENTERI / TIMBALAN PERDANA MENTERI (35) :
1. Penggulungan Kes Pembangkang (20 markah)
2. Penggulungan Kes Kerajaan (15 markah)

HADIAH

HADIAH DAN SIJIL	
Johan	150 JOD (per pasukan) serta plak & baucar
Naib Johan	100 JOD (per pasukan) serta plak
Tempat ke 3	50 JOD (per pasukan) serta plak
Tempat ke 4	25 JOD (per pasukan) serta plak
Pendebat terbaik	20 JOD serta plak
Juri	Plak
VIP	Cenderahati










 PEMBANGUNAN MINDA KENDIRI PERMAI

 PENTASBINTANGSURAWA



PENTAS BINTANG SURAWA

KEJOHANAN BAHAS ALA PARLIMEN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI

+962 7 7663 0454
MU'AZ ROOM
PENGARAH

+962 7 7760 5296
WAN NOOR HIKMAH
TIMBALAN PENGARAH

مجلس النيابة للطلبة الماليزيين بالأردن

MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA MALAYSIA JORDAN

.: Membangun Mahasiswa M.U.S.L.I.M Kelas Pertama :.

 Mpmm Jordan  Mpmm Jordan  mpmmjordan  mpmmjordan  mpmmjordan2000@gmail.com